

SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK:


1. Kumpulan **K.I.T.A_{IR}** (**Kolam Inovasi Transformasi Air**) **#KitaAir** dari Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah melaksanakan satu projek inovasi yang dikenali sebagai **Projek Pembangunan Kolam Warta LUAS Melalui Kaedah *Private Finance Initiative (PFI) – Built and Operate***
2. Inovasi ini terhasil dari kreativiti kumpulan untuk memastikan pengurusan sumber air di negeri Selangor dapat dilaksanakan secara holistik, mampan dan melibatkan komuniti setempat. Ia selari dengan misi LUAS “*Memelihara dan Meningkatkan Kualiti Dan Kuantiti Sumber Air, Lembangan Sungai dan Perairan Pantai Negeri Selangor Secara Holistik dan Bersepadu*”
3. Selangor merupakan negeri yang paling maju di Malaysia dari segi kepesatan ekonomi dan pembangunan, serta kemudahan infrastruktur yang menarik minat para pelabur untuk menjalankan aktiviti perdagangan di negeri ini.
4. LUAS mempunyai 20 Warta kolam sebagai Zon Perlindungan Sumber Air Alternatif di bawah Seksyen 48 Enakmen LUAS 1999. Menurut pewartaan LUAS, di bawah seksyen 48 (1) Enakmen LUAS 1999 “*Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan zon perlindungan dan zon penampungan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada rizab sungai dan zon banjir, bagi tujuan untuk menyelamatkan mana-mana sumber air, takungan dan kawasan pantai yang sensitif kepada alam sekitar*”.
5. Rasional pemilihan projek ini adalah hasil dari penyenaaraian masalah dan punca masalah oleh ahli kumpulan. Antara punca masalah utama yang disenaraikan adalah :-
 - i. Enakmen LUAS 1999 yang berkuatkuasa tidak difahami oleh pihak berkepentingan;
 - ii. Pencerobohan kawasan warta seperti pembinaan kolam ikan dan binaan tidak sah;

- iii. Perbalahan antara penduduk berkenaan penjajahan tapak;
 - iv. Aduan haiwan berbisa;
 - v. Kos penyelenggaraan tinggi;
 - vi. Aktiviti pengubahan sumber tanpa kebenaran seperti penambahan permukaan kolam.
6. Pada ketika ini kolam hanya digunakan sebagai sumber air alternatif dan sumber air tambahan ketika musim kemarau sahaja. Pada masa sama dalam Enakmen LUAS 1999 di bawah seksyen 6 (1)(b) menyatakan “*Fungsi Lembaga adalah untuk membangunkan, melaksanakan dan menggalakkan projek infrastruktur untuk tujuan pelbagai fungsi*”.
7. Oleh yang demikian, Kumpulan **K.I.T.AIR** telah membuat kajian bagi mewujudkan suatu pelan cadangan pembangunan kolam-kolam warta dengan pelbagai fungsi. Daripada 20 kolam warta tersebut, 2 kolam telah dipilih dalam projek ini.
8. **Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah** nombor warta PW 1589 telah diwartakan pada 31 Oktober 2012 berkeluasan 43.473 Hektar, keluasan badan air 31.266 Hektar dengan isipadu 13.63 juta m³
9. **Kolam Takungan Taman Desa Anggerik** nombor warta PW 1590 telah diwartakan pada 31 Oktober 2012 berkeluasan 17.362 Hektar, keluasan badan air 11.235 Hektar dengan isipadu 3.36 juta m³
10. Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah telah dikenalpasti berpotensi untuk dibangunkan sebagai ladang solar terapung atas faktor berikut:-
- i. Keluasan kolam yang sesuai untuk pembangunan ladang solar terapung
 - ii. Terletak di kawasan industri
 - iii. Tanah Kerajaan
11. Kolam Takungan Taman Desa Anggerik sesuai dibangunkan sebagai pusat

rekreasi atas faktor berikut:-

- i. Ekses yang mudah dan pemandangan menarik yang berpotensi dijadikan tempat rekreasi air dan riadah kepada penduduk setempat.
- ii. Tarikan pelancong ke Telaga Tujuh dan Air Terjun Serendah
- iii. Merupakan sebahagian dari sungai yang mengalir ke Telaga Tujuh.

12. Kerangka kajian dan reka bentuk kajian yang digunakan adalah reka bentuk kajian Maxwell dimana persoalan kajian menjadi titik pusat yang menghubungkan kesemua komponen-komponen lain iaitu Matlamat, Kaedah, Kesahan dan Kerangka Konseptual berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1 : Reka Bentuk Kajian Maxwell

13. Objektif kajian ini adalah seperti berikut: -

- i. Menentukan kesesuaian pembangunan kolam tanpa menghilangkanan fungsi pewartaan;
- ii. Meminimakan perbelanjaan penyelenggaraan kolam;
- iii. Menentukan kualiti air kolam, tasik dan bekas lombong; dan
- iv. Menyelesaikan aduan penduduk kepada agensi kerajaan.

14. Kos penyelenggaraan Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah yang


diperuntukkan adalah **RM 40,000.00** setahun. bagi sebahagian permukaan air sahaja manakala bagi kos menentukan kualiti air adalah sebanyak **RM 10,000.00** setahun. Secara tidak langsung, peruntukan Kerajaan Negeri Selangor dapat diijmatkan sekiranya pembangunan kolam ini ditanggung oleh pengusaha yang ingin membangunkan ladang solar.

15. Rajah 2 di bawah menunjukkan **Kanvas Strategi Semasa** mengenai tahap pengurusan kolam warta dan penglibatan komuniti setempat sebelum perlaksanaan projek. Hasil daripada kajiselidik penduduk setempat, hanya 5% responden kajiselidik telah berpuas hati dengan penglibatan agensi kerajaan dalam aktiviti komuniti setempat yang berkaitan dengan sumber air. Ini membuktikan bahawa terdapat persepsi yang negatif kepada agensi Kerajaan Negeri seperti LUAS.




16. Masalah ini mengurangkan tahap kepercayaan pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan LUAS sekaligus memberi kesan negatif kepada imej LUAS. Jika tidak diatasi akan memberi impak negatif kepada agenda dan komitmen Kerajaan Negeri Selangor menguruskan sumber air secara bersepadu, efisien dan holistik.
17. Analisa Kerangka 4 Langkah E.R.R.C. Grid dalam NBOS telah digunakan untuk mengatur strategi bagi mengatasi masalah kolam warta LUAS di mana

penggunaanya tidak secara optimum. Analisa tersebut diperjelaskan dalam Rajah 3 di bawah:



18. Berdasarkan analisa di atas, langkah strategik telah dirangka untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Rajah 4 di bawah adalah merupakan **Cadangan Kanvas Strategi** kumpulan **K.I.T.A_{IR}** di mana perincian data strategi adalah seperti Jadual 1 berikut:



JADUAL 1: SASARAN PENAMBAHBAIKAN

STRATEGI	PENAMBAHBAIKAN	SEMASA	SASARAN
Strategi 1	Persepsi Terhadap Agensi Kerajaan	15%	80%
Strategi 2	Kos Pembangunan dan Penyelenggaraan	Pagar RM 500,000.00 Papan Tanda RM 8,640.00	Pagar RM 100,000.00 Papan Tanda RM 4,640.00

TINDAKAN PENYELESAIAN:

19. Inovasi ni terbahagi kepada 2 peringkat, pada peringkat pertama, Ahli-ahli Kumpulan **K.I.T.A_{IR}** telah berjaya menghasilkan inovasi sosial dalam pengurusan sumber air yang dinamakan sebagai **Pelan Pembangunan Kolam Warta LUAS**. Ciptaan ini hasil dari kreativiti, pengalaman, kepakaran teknikal dalaman, rujukan terhadap teknologi sedia ada serta kajian penanda arasan.
20. **Metodologi kajian** : kajian ini menggunakan sepenuhnya *Global Image Satelite (GIS)* LUAS dan disokong juga *GIS Google Earth* yang menunjukkan lokasi badan air, empangan, jajaran sungai, loji rawatan air dan badan air. Dengan menggunakan sistem ini data yang diperolehi lebih tepat dan berkualiti. Bentuk kajian yang dimaksudkan adalah kajian tempatan, bahan bacaan dan kajian lapangan. Sebagai pemudah cara, pembahagian peringkat atau fasa pengumpulan data telah diatur dengan mengambil kira kepentingannya. Badan air di seluruh Selangor dikenal pasti menggunakan *GIS* LUAS dan *Google map* kemudian badan air dinamakan serta lokasi direkodkan.

21. **IDEATE:** Ciptaan inovasi bermula dengan sesi percambahan minda dan penerokaan idea-idea kreatif menggunakan berbagai kaedah dan teknik kawalan kualiti. Pada mulanya, 10 punca masalah telah dikenalpasti menggunakan kaedah Rasional Pemilihan Tajuk. Kemudiannya, kami membuat tapisan dengan menyenarai pendek kepada 7 cadangan dengan menggunakan kaedah Matrik Berkriteria. Bagi menentukan cadangan yang paling praktikal, kaedah Analisa Data Matriks telah digunakan di mana 2 cadangan paling praktikal telah dikenalpasti.
22. Hasil nya satu cadangan diambil iaitu, kaedah *Private Funding Initiative (PFI)* merupakan antara kaedah yang banyak digunakan di negara seperti United Kingdom dan Australia. Kaedah ini membantu pihak kerajaan untuk tidak mengeluarkan kos sebaliknya modal permulaan dikendalikan oleh pihak swasta. Dalam *PFI* kami ini menggunakan kaedah *build and operate* iaitu pihak swasta mengeluarkan modal permulaan pembinaan dan juga diberi lesen pengendalian untuk tempoh tertentu.
23. Kaedah ini lebih relevan berikutan pihak yang sudi untuk mengeluarkan modal permulaan sudah pasti merupakan entiti syarikat yang kukuh dan stabil dari segi kewangan jangka panjang. Selain itu, pihak syarikat yang terlibat dari permulaan pembinaan dan operasi ini sudah pasti mempunyai barisan tenaga pakar yang berkemahiran dan berpengalaman dalam memastikan projek tersebut lancar dan memberi hasil yang baik buat syarikat. Kaedah ini juga adalah sebagai langkah **pemindahan risiko** daripada agensi kerajaan yang terlibat kepada syarikat yang mengambil alih secara *PFI* tersebut.
24. Dua cadangan paling praktikal ini telah dikembangkan dengan meneroka idea-idea yang kreatif dengan menggunakan kaedah S.C.A.M.P.E.R, Hasilnya, kami mendapat idea kreatif menghasilkan inovasi yang kami namakan **Pelan Pembangunan Kolam Warta LUAS**.

25. **PEMBANGUNAN INOVASI:** Pada peringkat ke dua, tajuk projek inovasi dipinda kepada **Projek Pembangunan Kolam Warta LUAS Melalui Kaedah *Private Finance Initiative (PFI)* – *Built and Operate*.**
26. Telah dimulakan pada 11 November 2021 dengan penubuhan kumpulan **K.I.T.A_{IR}**. Setelah itu, Mesyuarat yang pertama melibatkan ahli kumpulan dan pihak yang berkepentingan telah diadakan pada 24 November 2021. Garis masa pelaksanaan inovasi ditunjukkan pada Rajah 5 di bawah.

RAJAH 5: GARIS MASA PERLAKSANAAN INOVASI



27. Aktiviti yang berjaya dilaksanakan adalah Pelancaran Program Jiran Tasik Negeri Selangor Daerah Hulu Selangor pada 28 Ogos 2022 di tepian **Kolam Taman Desa Anggerik**. Aktiviti tersebut disertai oleh ahli kumpulan **K.I.T.A_{IR}** dan komuniti setempat di Taman Desa Anggerik, Serendah. Program tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah LUAS **Ts. Haji Hasrolnizam Bin Shaari**



- ; Pelancaran Program Jiran Tasik Negeri Selangor Daerah Hulu Selangor pada ;
 28 Ogos 2022.

Manjung, Perak pada 13 Disember 2022. Lawatan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan pengoperasian dan pembangunan ladang solar terapung di kawasan tersebut untuk di aplikasikan pada 98 kolam yang berpotensi di seluruh Negeri Selangor.



Lawatan ke Kolam Ladang Solar di Manjung, Perak pada 13 Disember 2022.

29. Beberapa aktiviti yang melibatkan pelbagai organisasi dan komuniti setempat telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

- i. 16 Januari 2022-31 Julai 2022- Aktiviti Inventori 198 Kolam berpotensi di seluruh Negeri Selangor.
- ii. 28 Ogos 2022 – Program Jiran Tasik Negeri Selangor di Tasik Taman Desa Anggerik, Serendah, Selangor.
- iii. 15 September 2022 – Lawatan ke Terengganu transformasi ilmu di Tasik Kenyir.
- iv. 21-22 September 2022 – Lawatan ke Empangan Timah Tasoh Negeri Perlis.
- v. 13 Disember 2022 – Lawatan ke Kolam Ladang Solar terapung di Manjung, Perak.
- vi. 16 Februari 2023 - Program Demonstrasi Jetski Oleh Jetpro Water.
- vii. 18-19 Mac 2023 - Sambutan Hari Air Sedunia 2023 bersama persatuan sukan air yang berdaftar dengan Majlis Sukan Negeri Selangor
- viii. 31 Mac 2023 – Lawatan Bersama Pengarah LUAS Ke Tapak Projek Kolam Tan Chong.

KEBERHASILAN PROJEK (OUTCOME DAN IMPAK PROJEK)

30. Inovasi ini telah menjimatkan kos penyelenggaraan tahunan seperti **pemasangan pagar, kawalan keselamatan, pembersihan keladi bunting, dan rutin pensampelan kualiti air.**
31. Inovasi ini juga telah berjaya meningkatkan hasil tahunan untuk agensi kerajaan seperti cukai permit dari Pejabat Tanah dan Galian, Lesen Permit Binaan dari Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan cas air permukaan, kebenaran bertulis pengubahan sumber dari LUAS.

Kolam Rawang Serendah (TC Sunergy Sdn Bhd)

Bil	Penyelenggaraan Fizikal	Kos (RM)	Penyelenggaraan bukan fizikal	Kos (RM)
1	Pemagaran kawasan sekitar kolam	500,000.00	Penghapusan Keladi Bunting	33,400.00
2	Pemasangan Papan Tanda	8,640.00	Rutin kawalan kualiti air	5,000.00
3	Pembangunan 'outlet' air	65,000.00	Pemantauan di sekitar kolam	10,000.00

Kolam Taman Desa Anggerik, Serendah (Jiran Tasik)

Bil	Penyelenggaraan Fizikal	Kos (RM)	Penyelenggaraan bukan fizikal	Kos (RM)
1	Pengorekan pasir	985,000.00	Pembersihan sampah di sekitar kolam	10,000.00
2	Pemasangan Papan Tanda	8,640.00	Pemantauan di sekitar kolam	10,000.00
3	Penyelenggaraan fasiliti	100,000.00	Rutin kawalan kualiti air	5,000.00



32. Jumlah aduan tahunan masyarakat setempat juga berjaya dikurangkan dengan kadar sebelumnya 12 aduan setahun kepada hanya 4 aduan setahun. Sebelum ini LUAS kerap menerima aduan tentang kurangnya penyelenggaraan sekitar kolam seperti rutin pemotongan rumput yang mengakibatkan kewujudan habitat haiwan berbisa, pembuangan sampah dan sisa kimia ke dalam kolam serta lain-lain aduan dari masyarakat sekitar.
33. Pendekatan kaedah ini juga membawa perubahan besar kepada landskap kolam yang menjadi lebih cantik dan teratur berikutan terdapat seliaan yang lebih tersusun dan berjadual dari pihak yang dipertanggungjawabkan bagi menjaga kolam tersebut.
34. Dari segi pelancongan pula, kolam-kolam yang telah berinovasi ini mampu menarik minat pelancong untuk melawat dan menjadi pusat pendidikan dalam bidang teknologi solar.

JADUAL 2: PENCAPAIAN PENAMBAHBAIKAN

STRATEGI	PENAMBAHBAIKAN	SEMASA	SASARAN	PENCAPAIAN
Strategi 1	Persepsi Terhadap Agensi Kerajaan	15%	80%	95%
Strategi 2	Kos Pembangunan dan Penyelenggaraan	Pagar RM 500,000.00 Papan Tanda RM 8,640.00 Penyelenggaraan RM 33,400.00 Pembangunan Outlet RM 65,000.00 Kualiti Air RM 10,000.00	Pagar RM 100,000.00 Papan Tanda RM 4,640.00 Penyelenggaraan RM 10,000.00 Pembangunan Outlet RM 30,000.00 Kualiti Air RM 5,000.00	Pagar RM 0 Papan Tanda RM 0 Penyelenggaraan RM 0 Pembangunan Outlet RM 0 Kualiti Air RM 2,500.00
Strategi 3	Penglibatan Komuniti & Aktiviti Komuniti	Tiada Penglibatan Komuniti & Tiada Aktiviti	5 Organisasi	11 Organisasi
Strategi 4	Hasil Baru	Tiada Hasil	RM 10,000.00	RM 300,000.00
Strategi 5	Kepuasan Penduduk Setempat	10%	70%	88%

35. **Kumpulan K.I.T.AIR** telah melaksanakan inovasi ini berpandukan daripada beberapa elemen penting yang terdapat daripada **Sustainable Development Goals (SDG)** untuk mencapai matlamat.

	• Kehidupan di atas darat juga dititik beratkan untuk memelihara alam semulajadi. • Beberapa program tanaman pokok dan bergotong-royong diadakan bersama penduduk setempat • Kawasan tersebut menjadi kawasan yang hijau dipenuhi tumbuh-tumbuhan dan terpelihara.
	• Menghasilkan inovasi sosial dalam pengurusan sumber air bertujuan untuk mengekalkan keharmonian penduduk setempat dan memanfaatkan potensi kolam. • Aktiviti sosial dan pembangunan dapat diwujudkan sekaligus menarik pelabur luar dan dalam negara. • Berpotensi sebagai model kolam air tambahan bagi membangunkan badan-badan air di seluruh negeri sebagai kolam air tambahan pelbagai fungsi.
	• Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah telah terpelihara dan bersih kerana diselenggara dan dipantau oleh pihak pegusaha solar . • Kolam Takungan Taman Desa Anggerik terpelihara di kawasan sekitarnya dengan adanya taman rekreasi yang dibangunkan

	• Pembangunan ladang solar terapung, Teknologi hijau ini terbukti kerana penggunaan sistem yang tidak perlu menggunakan bahan bakar atau bahan pencemar.
	• Pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dengan adanya aktiviti yang memelihara alam dan sumber air. • Peluang pekerjaan juga akan lebih terbuka luas
	• Aduan masyarakat setempat juga berjaya dikurangkan dengan kadar sebelumnya 12 aduan setahun kepada hanya 4 aduan setahun • Dapat menjadikan bandar dan komuniti menjadi lebih mampan dan harmoni.
	• Sekiranya sesuatu tempat telah dijaga dan dipelihara perubahan iklim akan berubah menjadi suasana yang harmoni dan damai. • Persekitaran yang bersih dan mampan dapat mengubah suasana yang damai antara masyarakat setempat
	• Hidupan akuatik akan terjamin kelangsungan hidupnya bersih dan bebas pencemaran

36. Matlamat kami untuk menghasilkan inovasi sosial dalam pengurusan sumber air bertujuan untuk mengekalkan keharmonian penduduk setempat dan memanfaatkan potensi kolam. Selain itu, fokus kami terhadap pencemaran amat dititik beratkan untuk menjaga alam sekitar. Secara tidak langsung aktiviti sosial dan pembangunan dapat diwujudkan sekaligus menarik pelabur luar dan dalam negara.

37. Hasil peloporan inovasi ini juga telah menarik minat perlbagai pihak untuk mendaftar menjadi *Friends Of River (FOR)* yang baharu iaitu *FOR Sg Terachi* daerah Hulu Selangor.

38. Negeri Selangor juga turut akan diiktiraf sebagai antara negeri yang

menyumbang kepada pembangunan teknologi hijau di negara ini.

39. Majlis Sukan Negeri Selangor turut akan mendapat manfaat dari segi pembangunan sukan air di Selangor yang boleh diadakan di kawasan badan air seperti *Jetski*, Kanu, Pelayang dan *Stand up paddle boat*.
40. Tinjauan dan kaji selidik juga telah dijalankan untuk menilai kepuasan penduduk setempat, hasil daripada kaji selidik tersebut, sebanyak 388 **responden** telah berpuas hati terhadap inisiatif dan aktiviti-aktiviti yang telah diadakan oleh pihak LUAS. Pencapaian ini telah **melebihi sasaran** iaitu **daripada 70% kepada 88%**.

POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

41. Inovasi ini berpotensi untuk dikembangkan memandangkan pembangunannya adalah berdasarkan konsep '*Public Funding initiative*' yang membolehkannya direplikasikan di tempat yang lain yang dimiliki oleh pihak kerajaan.
42. Semasa proses kajian projek Kumpulan **KITA_{AIR}** telah mengenalpasti sehingga 480 buah kolam, bekas lombong dan tasik (badan air) yang berpotensi untuk dibangunkan dengan pelbagai fungsi dalam masa yang sama mengekalkan simpanan air mentah Negeri Selangor.
43. Penambahan hasil baru kepada kerajaan Negeri Selangor terutamanya dalam pelaburan Teknologi Tenaga Hijau.
44. Inovasi ini juga berpotensi untuk menjadi peneraju era baru pengurusan dalam menyelaraskan kawasan sumber air dengan membenarkan aktiviti yang boleh dikawal. Ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan pada masa sama sumber air dapat digunakan apabila diperlukan.

RINGKASAN EKSEKUTIF:

1. Dengan kaedah sumbangsaran dalam daya penyelesaian masalah, jajaran pengalaman, kepakaran teknikal dan semangat serta inisiatif untuk memajukan sumber air untuk faedah komuniti setempat dan pihak jabatan, ahli-ahli kumpulan sektor **K.I.T.Air** telah berjaya menghasilkan inovasi sosial dalam pengurusan sumber air yang dinamakan sebagai **Projek Pembangunan Kolam Warta LUAS Melalui Kaedah *Private Finance Initiative (PFI) – Built And Operate***.
2. Cetusan inovasi yang menarik ini adalah hasil sesi percambahan minda dan penerokaan idea-idea kreatif menggunakan beberapa kaedah dan teknik kawalan kualiti seperti Analisa Kerangka 4 Langkah E.R.R.C. Grid dan juga cadangan kanvas strategi. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama pihak LUAS dan pihak syarikat TC Sunergy Sdn Bhd. serta komuniti Taman Desa Anggerik Serendah telah diadakan dan pelbagai aktiviti yang melibatkan komuniti setempat telah dijayakan sehingga objektif serta sasaran projek inovasi ini berjaya dicapai.
3. Inovasi Projek telah berhasil **mengurangkan persepsi negatif terhadap status kolam Warta LUAS yang sebelum ini sering dianggap sebagai lombong terbiar berikutan tidak terurus dengan baik**. Kajian tahap kepuasan hati sebelum dan selepas inovasi sosial ini mendapati **peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan dari 10% kepada 88%** berbanding sasaran sebanyak 70%.
4. Inovasi ini telah berjaya **menghapuskan kos pembangunan infrastruktur dan penyelenggaraan** di sekitar kolam kerana ditanggung oleh pengusaha pembangunan ladang solar terapung. Bagi menguruskan sesebuah kolam dengan baik, ianya haruslah lengkap dengan pelbagai infrakstruktur sama ada dari segi kawalan sempadan bagi tujuan keselamatan, pengurusan paras air, pengurusan uji kaji kualiti air dan juga penyelenggaraan tahunan.
5. Projek ini juga telah **berjaya menerapkan elemen hijau** yang melibatkan pemuliharaan ekosistem secara holistik dan mampan. Di antara elemen hijau yang diterapkan adalah seperti pengalakkan pembangunan ladang solar terapung yang dibangunkan oleh TC Sunergy Sdn Bhd. Pembangunan bercirikan elemen hijau, holistik dan mampan ini adalah sejajar dengan penanda aras **‘Sustainable Development Goals’ (SDG)** yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

6. Projek ini telah **berjaya mengatasi sasaran penanda aras SDG** yang telah ditetapkan iaitu berjaya mencapai 8 sasaran berbanding 5 sasaran.
7. Inovasi **Projek Pembangunan Kolam Warta LUAS Melalui Kaedah *Private Finance Initiative (PFI)* – *Built And Operate*** telah berjaya **meningkatkan hasil** tahunan LUAS melalui caj air permukaan dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor melalui bayaran premium pajakan tanah disamping penjimatan hasil dari segi penyelenggaraan sepanjang tahun.
8. Telah berjaya membuktikan bahawa pengurusan sumber air secara holistik dan mampan telah memberi pelbagai faedah kepada komuniti setempat dan alam sekitar serta berpotensi untuk dilaksanakan dan dikembangkan ke seluruh negara. Ini sejajar dengan matlamat LUAS sebagai agensi rujukan dalam pengurusan sumber air dan pembangunan lestari di negara Malaysia.
9. Projek ini telah **mendapat faedah luar jangka** dimana sebanyak 98 kolam telah dikenalpasti berpotensi sebagai sumber air tambahan dan diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM).
10. Selain itu, banyak potensi hasil baru boleh diteroka yang akan memberi manfaat kepada agensi seterusnya boleh disalurkan kepada kerajaan tanpa membelakangi kepentingan rakyat dan merapatkan hubungan pemain industri dengan agensi teknikal di Selangor.
11. Potensi pengembangan projek ini di kolam-kolam tanah milik kerajaan adalah boleh dilaksanakan dengan LUAS sebagai penyelaras. Perkara ini adalah selari dengan fungsi LUAS yang telah dinyatakan dalam Enakmen LUAS 1999.